

10/03/2001

Utamakan perspektif sebenar perbincangan

HURAIAN panjang lebar oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang kelmarin seharusnya memperjelaskan keadaan. Tanpa berselindung, Perdana Menteri berhujah bahawa pertemuan yang diilhamkannya agar pemimpin Umno dan Pas dapat duduk semeja berbincang, hanya membabitkan hak orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tiada helah atau muslihat sebagaimana yang sebelumnya digembar-gemburkan oleh pihak tertentu. Tidak harus juga timbul sebarang prasangka hingga perlu pihak yang dipelawanya mengenakan syarat. Umno, sebagai pihak yang membuat pelawaan pula, tidak harus dibebankan dengan tanggungjawab untuk lebih dahulu memenuhi syarat berkenaan. Matlamatnya cuma untuk mencari titik persamaan atau persefahaman agar Umno dan Pas sekurang-kurangnya dapat bersatu mempertahankan hak yang telah termaktub itu.

Itulah yang dari awal menjadi asas perbincangan. Malangnya, semakin pertemuan yang dicadangkan itu dilengahkan, semakin banyak pula tafsiran. Sambil satu pihak menterjemahkannya sebagai andaian semata-mata, satu pihak yang lain pula merumuskannya sebagai kesimpulan. Pas mengandaikannya sebagai petanda jelas wujudnya perpecahan hingga beransur melemahkan Umno. Dalam kenyataan balasnya pula, Umno sekalipun mengakui sokongan terhadapnya sedikit terhakis, bukanlah selemah yang digambarkan. Dalam pada itu, ada pula pihak yang percaya dengan andaian Umno yang beransur lemah turut melemahkan kerajaan yang ada, cuba mengambil kesempatan. Maka, timbullah bermacam tuntutan tidak munasabah hinggakan kredibiliti kerajaan terus-terusan dicabar.

Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) sebelum ini membangkitkan tujuh tuntutan yang menyentuh hak orang Melayu. Isu perpindahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara berlarutan hanya kerana keengganan sebilangan ibu bapa muridnya mematuhi keputusan yang dibuat Lembaga Pengarah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu untuk berpindah dan dipersetujui Kementerian Pendidikan. Sebaliknya, 74 muridnya belajar dalam kontena yang ditempatkan di pekarangan sebuah rumah ibadat. Sambil itu, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pula mahu mengadakan demonstrasi besar-besaran, kononnya bagi menggulingkan kerajaan. Semua ini terjadi kerana pihak-pihak berkenaan terpengaruh dan disogokkan kepercayaan bahawa Umno dan kerajaan yang ditunjinginya sudah semakin lemah hingga membolehkan mereka berbuat apa saja.

Sama ada disedari atau tidak, kepercayaan palsu seumpama itu memungkinkan bahaya yang amat besar. Didorong pada awalnya oleh satu atau dua pihak tertentu untuk mencabar peruntukan Perlembagaan, wujud kebimbangan ia akan dituruti oleh pihak lain dengan pelbagai tuntutan dan ancaman berbeza pula pada masa depan. Andainya hak Melayu terus dicabar, adalah tidak wajar cuma Umno saja yang harus mempertahankannya. Pas, sebagai parti siasah yang juga dianggotai Melayu, harus sama-sama menangkis tekanan itu. Atas semangat dan persefahaman demikian, perbincangan Umno-Pas khusus bagi membincangkan kepentingan Melayu, diharap dapat diadakan. Sambil perbezaan pendapat dan haluan masing-masing dalam perkara lain wajar dihormati, sekurang-kurangnya persamaan dan persefahaman dapat dijalin membabitkan hak Melayu yang juga menjadi kepentingan bersama. Itulah perspektif sebenar dan tidak sewajarnya disalahertikan.

(END)

